

**NO. SOALAN : 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD  
YUSOFF**

**TARIKH : 3 SEPTEMBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN : 8**

**Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional memansuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan menggantikannya dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan nyatakan dengan terperinci perbezaan tanggungjawab di antara SPAD dan APAD.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 23 Mei 2018 yang lalu telah memutuskan supaya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dibubarkan dan fungsinya diambil oleh Kementerian Pengangkutan (MOT).

Kerajaan telah mengambil keputusan ini antara lain bertujuan untuk menambahbaik aspek pengurusan dan perbelanjaan kewangan Kerajaan selain daripada bagi memastikan keberkesanan dan keseragaman aspek perancangan dasar dan pembangunan pengangkutan awam darat di seluruh negara. Kerajaan mendapati bahawa fungsi yang dilaksanakan oleh SPAD pada masa ini boleh dilaksanakan oleh satu jabatan Kerajaan sahaja tanpa perlu diperbadankan. Apabila satu agensi itu diperbadankan, didapati kos pengoperasiannya akan menjadi lebih tinggi berbanding satu jabatan Kerajaan yang mempunyai saiz perjawatan yang sama terutamanya melibatkan perbelanjaan emolument atau gaji pegawai dalam badan berkanun berkenaan.

Sebelum ini, SPAD telah melaksanakan keseluruhan fungsi berkaitan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu fungsi pembentukan dasar, pelaksanaan dasar, pembangunan, pengeluaran permit dan penguatkuasaan. Pelaksanaan kesemua fungsi ini oleh satu (1) entiti yang bertaraf badan berkanun telah menimbulkan beberapa kelemahan berkaitan kawal selia (*oversight*), keseragaman, penerimaan, pengurusan kewangan serta keberkesanannya. Di samping itu, SPAD sebelum ini telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bukan

merupakan satu Jabatan bertanggungjawab ke atas pembangunan sektor pengangkutan dalam negara ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan mendapati bahawa, pemusatan semua agensi-agensi yang terlibat dalam aspek perancangan, penggubalan dasar, pembangunan, pengoperasian dan penguatkuasaan berkaitan sektor pengangkutan di bawah satu Kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan akan dapat menambahbaik aspek keberkesanan, inklusiviti dan koordinasi pembangunan serta pelaksanaan dasar serta initiatif secara lebih menyeluruh.

Susulan kepada pembubaran SPAD, semua fungsi-fungsi berkaitan **pembentukan, perancangan, gubalan dan kawal selia pelaksanaan dasar pengangkutan awam darat melibatkan mod jalan dan mod rel** akan dilaksanakan oleh **Kementerian Pengangkutan**. Perkara ini adalah selaras dengan skop fungsi dan tanggungjawab semua Kementerian Kerajaan sedia ada. Di samping itu, agihan fungsi ini akan berupaya meningkatkan aspek keberkesanan dalam pengurusan perbelanjaan Kerajaan.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang ditubuhkan pula akan melaksanakan fungsi seperti yang disenaraikan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta 715). APAD akan mengambil-alih fungsi yang sebelum ini dilaksanakan oleh SPAD sebagai *economic regulator* ke atas sektor pengangkutan awam darat merangkumi mod jalan dan rel. Antara skop fungsi utama APAD adalah:-

- (i) Mengawal selia dan melesenkan pengendali/penyedia perkhidmatan pengangkutan awam (orang dan barang) melibatkan mod jalan dan rel;
- (ii) Mempertimbang, meluluskan dan mengawal selia pembangunan dan pengoperasian skim keretapi;
- (iii) Melaksanakan semua dasar yang telah dibangunkan oleh Kerajaan ke atas sektor pengangkutan awam;
- (iv) Melaksanakan kajian-kajian ke atas initiatif-initiatif baharu bagi menambahbaik sektor pengangkutan awam darat;
- (v) Melaksanakan kajian keperluan perkhidmatan sektor pengangkutan awam darat;
- (vi) Mengkaji, membangun, menetapkan dan mengawal selia tambang serta jadual pengangkutan awam;
- (vii) Mengawal selia pembangunan infrastruktur pengangkutan awam melibatkan mod jalan dan keretapi;
- (viii) Memantau dan mengawal selia sektor pengangkutan awam darat secara keseluruhan; dan
- (ix) Menguatkuasakan semua peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Akta 715.